

Teks Ucapan Sempena Majlis Pelancaran Pecah Tanah Bagi Projek Program Perumahan Rakyat (PPR) Bera, Pahang

By : YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB

Date : 22/10/2022

**TEKS UCAPAN
YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB PERDANA MENTERI**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN PECAH TANAH BAGI PROJEK
PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) BERA, PAHANG**

**22 OKTOBER 2022 | SABTU | 2.30 PETANG
PADANG KAWAD, REJIMEN KE-34 ARTILERI DIRAJA (KEM
BERA)
BERA, PAHANG**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya ucapkan ke hadrat ALLAH SWT kerana dengan limpah izin dan kurnia-Nya, kita dapat berkumpul bersama-sama petang ini pada **MAJLIS PECAH TANAH**

BAGI PROJEK PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) BERA, PAHANG.

2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican dan KPKT kerana sudi mengundang saya untuk menyempurnakan majlis ini yang bakal memberi manfaat kepada ahli Keluarga Malaysia yang terlibat.

3. Setinggi-tinggi tahniah juga saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat yang tidak mahu ketinggalan untuk turut sama hadir pada majlis yang sangat signifikan kepada Keluarga Malaysia.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

4. Kerajaan telah membentangkan “**Bajet 2023: Keluarga Malaysia, Makmur Bersama**” di Dewan Rakyat pada 7 Oktober lepas yang memperlihatkan iltizam untuk terus memperkukuh pemulihan, membina daya tahan dan memacu pembaharuan negara yang kita cintai.

5. Bajet yang akan dilaksanakan sekiranya Kerajaan ini dipilih semula pada Pilihan Raya Umum ke-15 nanti, memberikan tumpuan utama untuk kesejahteraan Keluarga Malaysia, memastikan sektor perniagaan berdaya tahan dan ekonomi terus makmur dan juga mampan.

6. **Dalam bajet ini, Kerajaan terus** merencana pelan yang mampu untuk memulih dan merancakkan kegiatan ekonomi negara selain terus menumpukan pelbagai inisiatif yang meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

7. Kerajaan menyedari bahawa Keluarga Malaysia berhak memiliki rumah kediaman sebagai keperluan untuk meneruskan kelangsungan hidup dan pelbagai usaha dilakukan untuk merealisasikannya.

8. Justeru Kerajaan komited memastikan penyediaan rumah kediaman yang mencukupi, berkualiti dan mampu dimiliki bagi emenuhi keperluan penduduk yang semakin bertambah.

9. Sebagai contoh, pada Bajet 2022, peruntukan sebanyak **RM815.4 juta** telah disediakan untuk program-program perumahan khususnya kepada golongan berpendapatan rendah ke arah menjayakan agenda Malaysia Berdaya Huni.

10. Agenda berkenaan bukan sahaja sejajar dengan Agenda Pembangunan Mampan (SDG) 2030 tetapi juga bertepatan dengan matlakat Keluarga Malaysia yang memastikan tiada siapa yang terpinggi daripada kemajuan negara.

11. Pelaksanaan tanggungjawab ini telah diberikan kepada KPKT, selaras dengan gagasan Keluarga Malaysia, “**Satu Keluarga Satu Rumah**” khususnya untuk golongan B40, M40 dan golongan muda.

12. Dalam Bajet 2023 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan pada 7 Oktober lalu berjumlah RM372.3 bilion, yang merupakan bajet terbesar dalam sejarah negara, Kerajaan telah menyediakan Skim Perumahan yang ditawarkan melalui KPKT merangkumi:

Satu: Program Perumahan Rakyat atau lebih dikenali sebagai PPR memberikan manfaat kepada **12,400 penghuni** baharu dengan peruntukan sebanyak **RM367 juta**;

Dua: Program Rumah Mesra Rakyat melibatkan pembinaan **4,250 unit rumah** dengan peruntukan **RM358 juta**;

Tiga: Program Penyelenggaraan Perumahan dan Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia bagi **memastikan keadaan perumahan strata kos rendah dan sederhana yang selamat termasuk menggantikan lif-lif yang rosak** dengan peruntukan sebanyak **RM90.4 juta**;

Empat: Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) di mana Kerajaan menyediakan jaminan sehingga **RM3 bilion** kepada bank bagi memberi akses pembiayaan kepada golongan yang tiada berpendapatan tetap seperti pekerja e-hailing untuk memiliki rumah.

13. Bagi meringankan beban pembeli rumah kali pertama, Kerajaan turut bermurah hati melaksanakan pengecualian duti setem 100 peratus yang diumumkan sebelum ini bagi memorandum pemindahan membabitkan kediaman berharga RM500,000 dan ke bawah sehingga akhir 2025.

14. Namun segala insentif ini hanya dapat dilaksanakan sekiranya kerajaan Keluarga Malaysia diberi mandat pada PRU-15, agar bajet ini dapat dibentangkan sekali di Dewan Rakyat, dibahaskan dan diluluskan.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

15. Alhamdulillah, Pahang merupakan sebuah negeri yang cukup istimewa dan sangat bertuah kerana dianugerahkan dengan kekayaan khazanah semula jadi kurniaan ALLAH SWT.

16. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pentadbiran Kerajaan Negeri kerana buat pertama kali berjaya mengutip hasil mencecah RM1 bilion dan menarik pelaburan berjumlah RM20.56 bilion seperti diumumkan oleh Kerajaan Negeri dalam Belanjawan Pahang Tahun 2023.

17. Pencapaian ini merupakan bukti jelas tentang kemampuan Kerajaan Negeri Pahang dalam memastikan pembangunan ekonomi berterusan pada masa depan selain memelihara kemakmuran dan kesejahteraan rakyatnya termasuklah kebajikan warga Keluarga Malaysia Bera.

18. Sehubungan itu, **saya berbesar hati mengumumkan satu lagi inisiatif Keluarga Malaysia iaitu Projek PPR Bera bagi memenuhi** keperluan tempat kediaman, untuk mereka yang berkelayakan dan berpendapatan rendah yang belum memiliki rumah.

19. Projek PPR Bera ini merupakan satu manifestasi kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang terjalin sejak sekian lama.

20. Bagi merealisasikan rumah mampu milik untuk Keluarga Malaysia, **Majlis Perumahan Mampu Milik Negara (MPMMN)**, akan membantu daripada segi pemberian subsidi, manakala Kerajaan Negeri Pahang pula akan menyediakan tanah.

21. Sekali lagi saya merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Pahang yang sentiasa mendukung dan sama-sama memberi kerjasama jitu dalam menjayakan inisiatif-inisiatif Kerajaan Persekutuan.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

22. Untuk makluman semua, Projek PPR Bera ini merupakan projek baharu yang telah diluluskan pelaksanaannya di bawah peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2022.

23. Projek perumahan ini akan dilaksanakan di Bandar 34, Parlimen Bera yang melibatkan pembinaan **1,000 unit rumah teres satu tingkat** berserta kemudahan asas, di atas tapak tanah milik Kerajaan Negeri seluas **90 ekar**.

24. Walaupun projek PPR ini adalah khusus untuk golongan berpendapatan rendah, Kerajaan sentiasa menitikberatkan keselesaan Keluarga Malaysia dengan memberikan penekanan kepada **aspek saiz, reka bentuk, kualiti, lokasi dan harga rumah sentiasa diberi penekanan**.

25. Projek PPR Bera ini berkonsepkan kawasan kejiranan perumahan moden yang selesa dan selamat dengan setiap unit rumah berkeluasan 750 kaki persegi, dilengkapi tiga buah bilik tidur, dua buah bilik air, ruang tamu, ruang makan, dapur dan langkan (yard).

26. Kerajaan juga tidak pernah melupakan kemaslahatan Orang Kurang Upaya (OKU). **Sehubungan itu, Projek PPR Bera ini juga turut menyediakan 10 unit rumah** untuk memenuhi keperluan golongan ini.

Keluarga Malaysia yang dikasihi,

27. Sebelum saya akhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah kepada KPKT kerana berjaya merealisasikan agenda Keluarga Malaysia, khususnya dengan pelaksanaan pembangunan projek PPR Bera.

28. Harapan saya agar, semua pihak dapat memainkan peranan dengan sewajar terutamanya kepada pihak syarikat yang dilantik iaitu **MZ Hakujaya Sdn. Bhd.** agar kerja-kerja pembangunan PPR ini dapat disiapkan dalam tempoh ditetapkan. Insha-ALLAH.

29. Dengan kata-kata dan harapan itu, saya dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim**, merasmikan **MAJLIS PECAH TANAH BAGI PROJEK PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) BERA, PAHANG.**

Sekian,

Wabillahitaufik Walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Copyright of the Prime Minister's Office Official Website

Source: <https://www.pmo.gov.my/2022/10/majlis-pelancaran-pecah-tanah-bagi-projek-program-perumahan-rakyat-ppr-bera-pahang/>